

18 MAR 1998

Luong-Berlepas

PRESIDEN VIETNAM MENAMATKAN LAWATAN KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Presiden Vietnam Tran duc Luong berlepas ke Singapura hari ini selepas lawatan bersejarah tiga hari ke Malaysia -- iaitu yang pertama oleh seorang ketua negara Vietnam sejak hubungan diplomatik antara kedua-dua negara itu diwujudkan pada 1973.

Luong berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini dengan Pemangku Menteri Luar Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Pembangunan Usahawan Mustapa Mohamed, yang juga menteri pengiring berada di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat jalan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berada di Qatar bagi menghadiri mesyuarat hal ehwal luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pemimpin Vietnam itu mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara sebelum menamatkan lawatannya.

Di samping meningkatkan hubungan Kuala Lumpur-Hanoi, lawatan Luong adalah juga sebagai membalas lawatan Tuanku Ja'afar ke Vietnam pada Disember 1995. Ia merupakan lawatan pertama Luong ke luar negara selepas beliau mengambil alih jawatan ketua negara itu pada September lepas.

Luong diiringi oleh delegasi 35-anggota yang terdiri daripada beberapa Menteri, Timbalan Menteri dan ahli-ahli perniagaan.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan melalui Wisma Putra, delegasi Vietnam itu menyifatkan lawatannya sebagai berjaya dan merupakan sumbangan penting dalam memperkukuhkan lagi kerjasama dan saling persefahaman.

"President Tran duc Luong menyatakan kekagumannya dengan pencapaian rakyat Malaysia sejak beberapa tahun lepas dan yakin rakyat Malaysia akan berjaya dalam menjadikan "Wawasan 2020" sebagai kenyataan yang mana pada masa itu Malaysia akan menjadi negara perindustrian yang maju," menurutnya lagi.

Malaysia merupakan antara 10 pelabur terbesar di Vietnam dengan 64 projek dan jumlah pelaburan sebanyak AS\$1.3 bilion. Perdagangan dua hala telah meningkat 25 kali ganda sejak 10 tahun lepas dan kini mencecah angka AS\$485 juta.

Duta Malaysia ke Vietnam Datuk Zainal Abidin Zain berkata, lawatan itu sangat bermakna dalam meningkatkan hubungan dua hala dan dalam menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara Asean.

"Ia juga membolehkan pemimpin-pemimpin untuk membuat persiapan bagi Persidangan Kemuncak Asean yang dianjurkan Vietnam tahun ini," kata beliau kepada BERNAMA.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata yang Luong telah menyatakan sokongan Vietnam bagi menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara Asean menggunakan mata wang sendiri.

Mereka juga menyentuh mengenai kegawatan ekonomi di rantau ini, mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di London tidak lama lagi dan sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang akan berlangsung tahun ini.

Semasa berada di sini, Luong juga telah melawat Menara Berkembar Petronas, Kompleks Kraf Budaya di Jalan Conlay di sini, kilang penapis minyak sawit di Sepang dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong. -- BERNAMA

AZZ PR